

KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI (KBAT) DALAM SALAK DIDIK DENGAN ELEMEN NYANYIAN DAN ELEMEN PANTUN*(Higher Order Thinking Skills (HOTS) in SALAK DIDIK Singing and Pantun Elements)***A.RAHMAN HARON**Institut Pendidikan Guru
manlaoshi@gmail.com**JAMALUDIN BADUSAH**Universiti Kebangsaan Malaysia
drjamal08@gmail.com**ZAMRI MAHAMOD**Universiti Kebangsaan Malaysia
d-zam@ukm.edu.my**Dihantar pada:**

25 Mac 2015

Diterima pada:

21 April 2015

Koresponden:manlaoshi@gmail.com

Abstrak: Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dengan pendekatan SALAK DIDIK diperkenalkan bagi melihat keberkesannya dalam menguji kemahiran menulis karangan oleh murid tahun empat. Kajian ini telah dijalankan di sebuah sekolah rendah di dalam daerah Hulu Langat dan seramai 74 orang murid yang dijadikan sampel kajian. Seramai 34 orang murid kumpulan kawalan diajar dengan kaedah konvensional atau semasa sementara 40 orang murid kumpulan eksperimen diberikan pendedahan dengan pendekatan SALAK DIDIK. Dua elemen didik hiburan yang diperkenalkan dalam pengajaran dan pembelajaran kepada murid iaitu elemen nyanyian dan elemen pantun. Pengumpulan data ujian pra dan ujian pos dianalisis menggunakan program *Statistical Package for the Social Science* (SPSS) versi 20.0. Hasil kajian ini dianalisis menggunakan ujian-t sampel berpasangan untuk menilai sama ada terdapat perbezaan yang signifikan bagi min elemen nyanyian dan min elemen pantun dalam ujian pra dan ujian pos penulisan karangan. KBAT dengan pendekatan SALAK DIDIK menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan bagi min elemen nyanyian dan min elemen pantun antara murid kumpulan eksperimen dengan murid kumpulan kawalan dalam ujian pos.

Kata kunci: Didik hiburan, pencapaian, elemen, kemahiran, signifikan.

Abstract: Using SALAK DIDIK technique to determine the effectiveness of Higher Order Thinking Skills (HOTS) in year four students essay writing. The study was conducted in a primary school in the district of Hulu Langat with a total of 74 students as samples. 34 students of a controlled group were taught using the conventional methods while 40 students of the experimental group were exposed to SALAK DIDIK. Two edutainment elements introduced in the teaching and learning song and pantun. Pre-test and post-test data were analyzed using the Statistical Package for the Social Science Program (SPSS) version 20.0. Results were analyzed using paired sample t-test to assess whether there are significant differences in the mean of the elements of singing and poetry mean element in the pre-test and post-test essay writing. HOTS with SALAK DIDIK approach shows a significant difference for the two edutainment elements introduced in the teaching and learning song and pantun mean element between students in the experimental group with a students of controlled group in post-test.

Keywords: Effectiveness, edutainment, elements, achievement skills

PENGENALAN

Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) ialah keupayaan untuk mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam membuat penaaakulan dan refleksi bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan berupaya mencipta sesuatu (Lembaga Peperiksaan Malaysia 2013). Ini bermakna KBAT memerlukan proses kemahiran berfikir secara intelek dengan pemikiran yang meluas serta mendalam sama ada mencari makna dan pemahaman terhadap sesuatu, membuat pertimbangan dan keputusan atau menyelesaikan masalah.

Seterusnya, seseorang murid perlu memahami, menggabung dan menghubungkan kait maklumat antara satu sama lain, mengkategorikan dan memanipulasi untuk membolehkan penemuan makna dan kefahaman yang baharu. Hal ini demikian bagi membolehkan murid berupaya menggunakan pengetahuan ke arah penyelesaian yang baharu bagi setiap permasalahan atau peristiwa.

Rajendran (2014) menyatakan KBAT merupakan aras yang paling tinggi dalam hieraki proses kognitif. Ini berlaku apabila seseorang mendapat maklumat baharu, menyimpan dan memori, menyusun, serta mengaitkannya dengan pengetahuan sedia ada dan akan memanjangkan maklumat itu untuk mencapai sesuatu tujuan atau penyelesaian situasi yang rumit. Menurut Bereiter dan Scardamalia (1987), murid perlu dilatih mengambil bahagian dalam menentukan objektif, mewujudkan wacana, menentukan tindakan motivasi, analitik dan inferens yang dinamakan 'literasi tinggi'. Som dan Mohd Dahlan dalam Rajendran (2014) menyatakan Kemahiran Berfikir Aras Rendah (KBAR) pula merujuk kepada penggunaan pemikiran secara terhad. Hal ini dapat dilihat apabila murid hanya disogokkan dengan jawapan-jawapan yang menjadikan mereka malas untuk berfikir.

SALAK DIDIK telah dikemukakan kepada murid di sebuah sekolah dalam daerah Hulu Langat untuk membantu mereka menjana idea dalam prapenulisan sebelum mereka menulis karangan. SALAK DIDIK juga sebagai pemangkin untuk murid menjana idea mencari isi karangan, menyusun rangkaian kata, membina ayat, menyusun ayat membentuk perenggan dan seterusnya

membina sebuah karangan dengan koheren dan kohesi.

SALAK merujuk kepada akronim:

- S: merujuk kepada Siapa
- A: merujuk kepada Aktiviti
- L: merujuk kepada Lokasi
- A: merujuk kepada Alatan
- K: merujuk kepada Keterangan

Akronim SALAK menjadi kata tanya untuk memandu dan memudahkan murid memindahkan maklumat daripada lirik nyanyian dan pantun berlagu ke dalam ruangan Jadual SALAK (A. Rahman, Jamaludin & Zamri 2013; A. Rahman et al. 2012a; 2012b; Zamri et al. 2012; A. Rahman 2010; A. Rahman 2009). Jadual 1 memperlihatkan penggunaan akronim SALAK dengan kata tanya mengikut ruangan yang dikhususkan untuk murid mengisi kosa kata yang berkaitan.

Jadual 1: Penggunaan aAkronim SALAK sebagai kata tanya

(S)iapa	(A)ktiviti	(L)okasi	(A)latan	(K)eterangan
Rafidah	member- hentikan kereta	di tepi jalan raya	-	untuk membeli kuih-muih yang dijual oleh beberapa orang penjaja.

Sementara itu, akronim DIDIK pula merujuk kepada didik hiburan. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menekankan penggunaan elemen didik hiburan dalam P&P mata pelajaran penulisan karangan. Sehubungan itu, dua elemen didik hiburan (Khairuddin et al. 2012) yang digunakan dalam kajian ini, iaitu elemen nyanyian dan elemen pantun diberikan kepada peserta kajian. Data yang diperoleh daripada ujian pra dan ujian pos dianalisis.

PENYATAAN MASALAH

Seman (2005) mendapati guru-guru kerap memberikan soalan yang bertumpu kepada penyualan beraras rendah kepada murid iaitu pada peringkat pengetahuan dan pemahaman. Dapatan ini selari dengan pandangan Rosini et al. (2002) iaitu soalan aras rendah amat popular digunakan oleh guru dan amat sedikit soalan aras tinggi

diberikan kepada murid. Soalan aras rendah bertumpu kepada mengingatkan fakta secara literal daripada apa yang dilihat, didengar atau dibaca berbanding dengan soalan aras tinggi yang memerlukan murid mengaplikasi, menganalisis, mensintesis dan menilai perkara yang dipelajari. Oleh itu, perlunya pengajaran dan pembelajaran (P&P) dengan Kemahiran Berfikir Secara Kritis dan Kreatif (KBKK) sebagaimana yang disarankan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK 1993).

Kemahiran-kemahiran mikro yang terdapat dalam KBKK adalah seperti membanding dan membeza, membuat kategori, meneliti bahagian kecil dan keseluruhan, menerangkan sebab, menyusun mengikut urutan, membuat ramalan, mengusul periksa andaian dan membuat inferens yang perlu dilakukan oleh murid. Ini dapat mengorganisasikan fikiran dalam bentuk gambar ataupun kata kunci yang dapat menjimatkan masa belajar dan meningkatkan ingatan (Rosini et al. 2002).

Merujuk kepada penulisan karangan, adalah didapati terdapat murid yang tidak mempunyai keupayaan untuk menulis. Terdapat juga penulisan yang tidak selari dengan tajuk atau kehendak soalan serta tiada isi yang bernas (Ahmad Marzuki 2007). Murid tidak dapat membayangkan isi penting yang berkaitan dengan tajuk karangan. Penulisan karangan mereka juga tidak mengikut format dan garis panduan serta ayat yang dibina tidak teratur dari segi struktur ayat. Sehubungan itu, murid perlu dibimbing untuk mencari isi penting berdasarkan kehendak soalan, menulis mengikut format dan menulis dengan struktur ayat yang menarik.

Melalui pendekatan SALAK DIDIK, penulisan karangan dijalankan oleh guru secara berperingkat-peringkat dan bersistematik. Murid yang lemah diberikan latihan dan bimbingan agar dapat membina sekurang-kurangnya ayat mudah tetapi tepat dengan tajuk karangan yang diberi. Ini selari dengan saranan (Abd. Ghafar 2011; Mohd. Yusof 2000; Abdul Fatah 1998; Leonard & Karen 1996) yang menyatakan guru perlu kreatif dan berinovatif dalam menjana idea, konsep atau strategi baharu untuk mempertingkatkan amalan berkesan dalam pengajaran.

Guru juga perlu berkemampuan mencipta kelainan atau modifikasi dengan menggunakan unsur dan sumber yang sedia ada. Seterusnya, guru hendaklah mempermudah pengajaran bagi tujuan

melancarkan proses P&P di dalam bilik darjah. Kajian ini bertujuan untuk menangani permasalahan bagi kajian sebenar (Gleshne & Peshkin 1995). Oleh itu, KBKK dan KBAT dengan pendekatan SALAK DIDIK melalui elemen nyanyian dan elemen pantun diperkenalkan bertujuan merangsang minda murid untuk menjana idea dalam prapenulisan dan penulisan karangan.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti tahap pencapaian penulisan karangan antara kumpulan eksperimen dengan kumpulan kawalan berdasarkan pendekatan didik hiburan.

PERSOALAN KAJIAN

Sebanyak empat soalan kajian dibina dalam kajian ini, iaitu:

1. Adakah terdapat perbezaan tahap pencapaian penulisan karangan antara murid kumpulan eksperimen dengan kumpulan kawalan berdasarkan pendekatan elemen nyanyian dalam ujian pra?
2. Adakah terdapat perbezaan tahap pencapaian penulisan karangan antara murid kumpulan eksperimen dengan kumpulan kawalan berdasarkan pendekatan elemen nyanyian dalam ujian pos?
3. Adakah terdapat perbezaan tahap pencapaian penulisan karangan antara murid kumpulan eksperimen dengan kumpulan kawalan berdasarkan pendekatan elemen pantun dalam ujian pra?
4. Adakah terdapat perbezaan tahap pencapaian penulisan karangan antara murid kumpulan eksperimen dengan kumpulan kawalan berdasarkan pendekatan elemen pantun dalam ujian pos?

METODOLOGI

Reka Bentuk Kajian

Pengkaji menggunakan reka bentuk kuasi eksperimen untuk melihat perbandingan tahap pencapaian antara kumpulan eksperimen yang menggunakan pendekatan SALAK DIDIK dengan elemen nyanyian dan elemen pantun sementara

kumpulan kawalan dengan kaedah semasa atau tradisional. Kemahiran menulis karangan bagi kedua-dua kumpulan ini dilihat berdasarkan kepada ujian pra dan ujian pos.

Populasi dan Sampel Kajian

Responden kajian terdiri daripada 34 orang murid kumpulan kawalan dan 40 orang murid kumpulan eksperimen. Mereka adalah murid tahun empat di sebuah sekolah dalam daerah Hulu Langat, Selangor. Responden dipilih dengan menggunakan kelas-kelas yang sedia ada, iaitu subjek kajian bagi kumpulan eksperimen dan kawalan tidak boleh dipilih secara rawak kerana terikat dengan peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak sekolah (Chua 2006; Lim 2007; Wiersma 2000; Johnson dan Christensen 2000).

Analisis Data

Data-data yang diperoleh, dianalisis untuk mengenal pasti tahap pencapaian penulisan karangan. Pernyataan adalah secara deskriptif dengan merujuk kepada perbandingan tahap pencapaian skor min dan sisihan piawai berdasarkan ujian-t sampel berpasangan yang digunakan untuk mencari perbezaan elemen didik hibur antara kumpulan kawalan dan kumpulan eksperimen.

Pencapaian skor min adalah merujuk kepada penskoran markah yang diperoleh menerusi ujian pra dan ujian pos bagi kedua-dua kumpulan. Seterusnya, dapatan dikategorikan mengikut skema penskoran markah yang ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia (2005) dengan empat kategori pemarkahan sebagaimana dalam Jadual 1.

Jadual 1 : Penskoran markah

Penskoran	Markah	Kriteria
Cemerlang	26 – 30	<ul style="list-style-type: none"> • Penyampaian atau persembahan jelas, menarik dibaca. • Idea sangat baik, guna pelbagai ayat gramatis bertepatan tema. • Pelbagai kata dan kosa kata yang meluas, sesuai dengan tema.

		<ul style="list-style-type: none"> • Ejaan dan tanda baca betul berdasarkan jenis karangan. • 5 atau lebih isi karangan. • 3 kesalahan tatabahasa.
Memuaskan	18 – 25	<ul style="list-style-type: none"> • Penyampaian atau persembahan jelas untuk dibaca. • Pengolahan idea baik, guna ayat gramatis bersesuaian dengan tema. • Pelbagai kata dan kosa kata sederhana, sesuai dengan bahan grafik. • Beberapa kesalahan tanda baca dan ejaan tetapi tidak menjejaskan karangan. • Kurang 8 kesalahan tatabahasa.
Baik	9 – 17	<ul style="list-style-type: none"> • Penyampaian atau persembahan mudah dan ringkas. • Isi guna ayat dasar berdasarkan tema. • Pelbagai kata dan kosa kata yang terhad dan sesuai. • Tanda baca yang terhad. • Banyak kesalahan tanda baca dan ejaan. • Kurang 13 kesalahan tatabahasa.
Tahap Memuaskan	0 – 8	<ul style="list-style-type: none"> • Penyampaian atau persembahan tidak sesuai dengan tema. • Isi tidak tepat, tidak berkaitan tema dan sukar difahami. • Perkataan terhad, tidak sesuai dengan tema. • Tidak kuasai kemahiran tanda baca dan ejaan. • 15 kesalahan dan lebih.

Sumber: Lembaga Peperiksaan Malaysia (2005)

DAPATAN KAJIAN

Jadual 2 menunjukkan hasil analisis ujian-t sampel kumpulan berpasangan bagi elemen nyanyian. Analisis ujian-t bagi menentukan min elemen nyanyian sebelum sesi pengajaran dijalankan yang diberikan dalam ujian pra.

Min elemen nyanyian kumpulan eksperimen ialah 15.05 dan sisihan piawai 1.154. Sementara kumpulan kawalan memperoleh min 14.74 dan sisihan piawai 0.944. Perbezaan min antara kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan dalam ujian pra sebanyak 0.31. Analisis ujian-t menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara skor kumpulan eksperimen dengan kumpulan kawalan dalam ujian pra bagi elemen nyanyian, $t(74) = -12.254$, $p < 0.05$.

Jadual 2: Ujian-t bagi min perbezaan pencapaian elemen nyanyian antara kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan dalam ujian pra

Sampel	N	Min	SP	t	P
Kumpulan eksperimen	40	15.05	1.154	-12.254	0.000
Kumpulan kawalan	34	14.74	0.944		

Analisis data telah dijalankan bagi mengenal pasti perbezaan pencapaian murid yang menggunakan SALAK DIDIK dengan elemen nyanyian dalam ujian pos dan murid yang mengikut kaedah pengajaran secara tradisional. Jadual 3 menunjukkan bahawa nilai signifikan (p) yang dicapai bagi kumpulan eksperimen yang menggunakan SALAK DIDIK dengan elemen nyanyian ialah 0.000.

Jadual 3: Ujian-t bagi min perbezaan pencapaian prestasi nyanyian antara kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan dalam ujian pos

Sampel	N	Min	SP	t	P
Kumpulan eksperimen	40	22.63	2.589	-21.274	0.000
Kumpulan kawalan	34	18.53	2.286		

Min elemen nyanyian kumpulan eksperimen dalam ujian pos ialah 22.63 dan sisihan piawai 2.589. Sementara kumpulan kawalan memperoleh

min 18.53 dan sisihan piawai 2.286. Perbezaan min antara kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan dalam ujian pos adalah sebanyak 4.1. Analisis ujian-t menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara skor kumpulan eksperimen dengan kumpulan kawalan dalam ujian pos, $t(74) = -21.271$, $p < 0.05$.

Jadual 4 pula menunjukkan perbezaan pencapaian prestasi antara kumpulan eksperimen dengan kumpulan kawalan bagi elemen pantun dalam ujian pra. Min elemen pantun kumpulan eksperimen 14.90 dan sisihan piawai 1.374. bagi kumpulan kawalan pula dengan min 14.94 dan sisihan piawai 1.496. Perbezaan min antara kumpulan eksperimen dengan kumpulan kawalan dalam ujian pra sebanyak -0.04. Analisis ujian-t menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara skor kumpulan eksperimen dengan kumpulan kawalan dalam ujian pra, $t(74) = -17.301$, $p < 0.05$.

Jadual 4: Ujian-t bagi min perbezaan pencapaian prestasi pantun antara kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan dalam ujian pra

Sampel	N	Min	SP	t	P
Kumpulan eksperimen	40	14.90	1.374	-17.301	0.000
Kumpulan kawalan	34	14.94	1.496		

Jadual 5 pula menunjukkan dapatan perbezaan pencapaian prestasi antara kumpulan eksperimen dengan kumpulan kawalan bagi elemen pantun dalam ujian pos. Min elemen pantun kumpulan eksperimen 23.38 dan sisihan piawai 1.807. Sementara kumpulan kawalan pula dengan min 20.24 dan sisihan piawai 2.270. Perbezaan min antara kumpulan eksperimen dengan kumpulan kawalan dalam ujian pos sebanyak 3.14. Analisis ujian-t menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara skor kumpulan eksperimen dengan kumpulan kawalan dalam ujian pra, $t(74) = -34.903$, $p < 0.05$.

Jadual 5: Ujian-t bagi min perbezaan pencapaian prestasi pantun antara kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan dalam ujian pos

Sampel	N	Min	SP	t	P
Kumpulan eksperimen	40	23.38	1.807	-34.903	0.000
Kumpulan kawalan	34	20.24	2.270		

IMPLIKASI KAJIAN

Implikasi kajian dapat dilihat berdasarkan kepada implikasi kajian terhadap pedagogi dan bahan. Jika dilihat dalam ujian pra, pencapaian penulisan karangan bagi kedua-dua kumpulan adalah setara. Walau bagaimanapun, selepas kumpulan eksperimen diberi pendedahan tentang elemen SALAK DIDIK, berlaku perubahan dalam skor pemarkahan, min dan sisihan piawai. Terdapat perbezaan pencapaian penulisan karangan dengan penggunaan elemen SALAK DIDIK dengan hasil pembelajaran menunjukkan pencapaian murid kumpulan eksperimen adalah lebih signifikan berbanding kumpulan kawalan dalam ujian pos.

Pedagogi dan Bahan

Kajian ini memberi panduan kepada guru untuk mewujudkan pengajaran penulisan karangan kepada murid dengan penggunaan elemen SALAK DIDIK dan Jadual SALAK. Kata tanya melalui akronim SALAK dan penggunaan elemen didik hibur mampu merangsang minda murid untuk menyenaraikan isi karangan.

Penggunaan bahan rangsangan daripada lirik lagu dan pantun dalam P&P serta pendekatan KBAT membolehkan murid menyenaraikan maklumat yang terdapat di dalam lirik dan pantun berkenaan menjadi isi penting untuk dimuatkan ke dalam Jadual SALAK. Kosa kata yang disenaraikan dalam Jadual SALAK kemudian dikembangkan peluasan kepada rangkai kata pula. Seterusnya, dikembangkan menjadi beberapa ayat yang gramatis dan kemudian dibentuk mengikut perenggan demi perenggan. Setiap perenggan yang dibina oleh murid perlu ada empat atau lima ayat yang gramatis.

Penggunaan Jadual SALAK dan elemen nyanyian serta elemen pantun boleh dijadikan bahan P&P guru. Oleh itu, guru boleh

mempelbagaikan kaedah pengajaran dengan penggunaan bahan berkenaan.

KESIMPULAN

Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa pencapaian kumpulan eksperimen adalah lebih tinggi dalam penulisan karangan berbanding kumpulan kawalan. Ujian pos menunjukkan terdapat perbezaan min yang lebih tinggi daripada kumpulan kawalan.

Pendekatan SALAK DIDIK yang diperkenalkan boleh dijalankan oleh guru secara berperingkat-peringkat dan bersistematik (Roselan 2003). Murid boleh dibimbing dan dilatih untuk membina ayat yang bertepatan dengan tajuk karangan yang diberi. Terdapat beberapa proses untuk menghasilkan karangan dengan pendekatan SALAK DIDIK.

Fasa pertama adalah menyenaraikan kosa kata yang terdapat dalam lirik nyanyian dan rangkap pantun ke dalam Jadual SALAK. Fasa kedua pula dengan membuat penambahan kosa kata yang tidak terdapat dalam lirik lagu dan pantun tetapi bersesuaian dengan tajuk karangan yang diberi. Kosa kata dan rangkai kata yang disenaraikan, dikelompokkan dalam satu perenggan sama ada perenggan pendahuluan, perenggan isi atau pun perenggan penutup.

Fasa keempat pula, membina ayat daripada kosa kata dan rangkai kata yang telah disenaraikan menjadi kepada beberapa ayat dengan penggunaan penanda wacana yang sesuai. Ayat-ayat yang dibina dikelompokkan dalam satu perenggan penceritaan. Fasa kelima, adalah memastikan antara perenggan dengan perenggan berikutnya mempunyai pertalian cerita (Sulaiman & Ahmad Khair 2004; Mohd Azam 2000), iaitu adanya koheren dan kohesi. Kesemua perenggan bersepadu, ada pertautan antara perkataan dalam ayat dan antara ayat dalam perenggan.

Fasa keenam adalah menyemak hasil penulisan untuk memastikan karangan yang dihasilkan tiada kesalahan ejaan, struktur ayat dan penggunaan imbuhan. Karangan yang dihasilkan adalah menepati kriteria dan keadaan sedemikian membolehkan murid untuk mendapat penskoran markah yang cemerlang. Sehubungan itu, terdapat enam fasa yang menjadi landasan proses ke arah menghasilkan karangan dengan pendekatan SALAK DIDIK.

RUJUKAN

- A. Rahman Haron. (2009). Membina ayat dengan Teknik 'SALAK' dan Mencari isi karangan dengan Teknik 'SALAK'. Seminar Peningkatan Profesionalisme dan Kursus Kajian Tindakan serta Inovasi Guru-Guru Cemerlang. Pejabat Pelajaran Daerah Hulu Langat, 19 Ogos, PPD Hulu Langat.
- A. Rahman Haron. (2010). Membina ayat dengan Teknik 'SALAK' dan Mencari isi karangan dengan Teknik 'SALAK'. Seminar Peningkatan Profesionalisme Guru-guru Kajian Tempatan (Sekolah Rendah) dan Guru-guru Pendidikan Agama Islam (Sekolah Menengah) Daerah Hulu Langat. Pejabat Pelajaran Daerah Hulu Langat, 13-15 Julai, Pangkor Coral Bay Resort, Perak.
- A. Rahman Haron, Zamri Mahamod, Mohamed Amin Embi, Nik Mohd Rahimi Nik Yusof, Sharifah Nor Puteh & Jamaludin Badusah. (2012a). Teknik SALAK dalam menjana idea membina ayat dengan cepat dan efektif. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 2 (2): 83-92.
- A. Rahman Haron, Zamri Mahamod, Mohamed Amin Embi, Nik Mohd Rahimi Nik Yusof, Sharifah Nor Puteh & Jamaludin Badusah. (2012b). Membina ayat berdasarkan grafik dengan Teknik 'SALAK'. Seminar Antarabangsa Pedagogy of Malay, Indonesian and Other Language (PMIOL) 2012. Institut Pendidikan Guru Kampus Bahasa Melayu Malaysia dan Universitas Pendidikan Indonesia (UPI), Bandung, 14-15 Jun.
- A. Rahman Haron, Jamaludin Badusah & Zamri Mahamod. (2013a). Pengaplikasian pendekatan didik hiburan dan Teknik SALAK dalam penulisan karangan. *Prosiding Seminar Pascasiswazah Pendidikan Bahasa Melayu & Kesusasteraan Melayu Kali Pertama*, 281- 292. Bangi: Penerbitan Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia,
- A. Rahman Haron, Jamaludin Badusah & Zamri Mahamod. (2013b). Pengaplikasian pendekatan didik hiburan dan Teknik SALAK dalam penulisan karangan. *Prosiding Seminar Serantau Pascasiswazah Pendidikan Bahasa Melayu & Kesusasteraan Melayu Kali Kedua* 2013, 269-283. Bangi: Penerbitan Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- A. Rahman Haron, Jamaludin Badusah & Zamri Mahamod. (2014). SALAK DIDIK: Ke arah peningkatan pencapaian penulisan karangan. *Prosiding Seminar Pascasiswazah Pendidikan Bahasa Melayu & Kesusasteraan Melayu Kali Ketiga*, 5-34. Bangi: Penerbitan Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abd. Ghafar Mahmud. (2011). *Pengumuman keputusan UPSR 2011*. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Abd. Fatah Hasan. (1998). *Pemikiran keseluruhan otak*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Ahmad Marzuki Ismail. 2007. *Komunikasi asas kemahiran membaca dan menulis untuk pelajar*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.
- Bereiter, C & Scardamalia, M. (1987). *The psychology of written composition*. New Jersey: Erlbaum Hillsdale.
- Chua Yan Piau. (2006). *Kaedah dan statistik pendidikan: Buku 1 kaedah penyelidikan*. Kuala Lumpur: McGraw Hill (M).
- Johnson, B. & Christensen, L. (2000). *Educational research quantitative and qualitative approaches*. Boston: Allyn and Bacon.
- Lembaga Peperiksaan Malaysia. 2013. *Elemen kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam instrumen pentaksiran*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Leonard M.S. Yong & Karen L. Biraimah. (1996). *Guru yang kreatif: Isu-isu teoritikal dan aplikasi praktikal*. Kuala Lumpur: Arena Buku Sdn. Bhd.
- Lim Chong Hin. (2007). *Penyelidikan pendidikan pendekatan kuantitatif dan kualitatif*. Kuala Lumpur: Mc Graw-Hill Education (M).
- Mohd. Azam Ahmad. (2000). Perspektif baru dalam kemahiran mengarang: Satu kajian kes. Tesis Sarjana. Jabatan Bahasa Melayu, Akademi Pengajian Melayu. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mohd. Yusof Othman. (2000). *Kaedah pembelajaran berkesan*. Kajang: Aras Mega Sdn. Bhd.

- Rajendran Nagappan. (2014). Kemahiran berfikir. <http://www.slideboom.com/presentations/145402/KEMAHIRAN-BERFIKIR-ARAS-INGGI-%28KBAT%29-DAN-KEMAHIRAN-BERFIKIR-ARAS-RENDAH-%28KBAR%29>.(Diakses pada 11.1.2014)
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (1993). *Kemahiran berfikir: Konsep, model dan strategi pengajaran dan pembelajaran*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Roselan Baki. (2003). *Pengajaran dan pembelajaran penulisan Bahasa Melayu*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.
- Rosini Abu, Rohani Ahmad Tarmizi & Ghazali Mustapha. (2002). *Kemahiran berfikir*. Serdang: Institut Pendidikan Jarak Jauh, Universiti Putra Malaysia.
- Seman Salleh. (2005). Interaksi lisan dalam pengajaran dan pembelajaran komponen Kesusasteraan Melayu (Komsas) dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Tesis Dr. Fal. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sulaiman Masri & Ahmad Khair Mohd Nor. (2004). *Seni mengarang*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.
- Wiersma, W. (2000). *Research methods in education: An introduction*. 7th edition. Boston: Allyn and Bacon.